

Akauntan profesional mampu tingkat reputasi negara

KUALA LUMPUR: Ahli profesion perakaunan tempatan dan luar negara yang beroperasi di negara ini diminta menjadi rakan pembangunan negara dengan mewujudkan reputasi perakaunan Malaysia yang unik dan jenama yang dapat mencerminkan secara positif negara sebagai pasaran modal kelas dunia.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata dengan globalisasi dalam pasaran kewangan, modal dan pelaburan, persaingan modal, teknologi, bakat dan pasaran boleh ditingkatkan dengan bantuan mereka untuk membantu Malaysia.

"Profesion perakaunan yang kukuh, boleh dipercayai dan cekap mampu menjadi rakan bermakna membantu syarikat dan perniagaan untuk merancang, menempatkan, mengawal sumber yang diperlukan untuk mencapai matlamat mereka," katanya pada jamuan makan malam Institut Akauntan Bertauliah England Wales Malaysia (ICAEW Malaysia), di sini malam tadi.

Beliau juga mahu syarikat korporat di negara ini mempunyai sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi aset dan memastikan keupayaan tinggi serta ketelusan rekod kewangan masing-masing.

Timbalan Perdana Menteri berkata, meskipun sistem kawalan seperti itu tidak boleh menghalang sepenuhnya penyelewengan atau rasuah tetapi jika adanya juruaudit dalaman yang bebas akan mengurangkan sebarang penyalahgunaan.

"Sistem yang baik sekalipun tidak mampu untuk memastikan tidak berlaku penyelewengan 100 peratus. Keberkesanan sistem itu bergantung juga kepada keperibadian orang yang melaksanakan sistem berkenaan," katanya.

Najib juga berkata, cara untuk menghalang ketua pegawai eksekutif daripada menganggap syarikat sebagai hak milik peribadi adalah dengan mempunyai akauntan yang boleh dipercayai dan sentiasa mengawasi sebarang kepincangan.